

BIMB SEDIA BANTUAN PEMBIAYAAN UNTUK MANGSA BANJIR DI BAWAH PROGRAM PRIHATIN BANJIR

Kelonggaran pembayaran ansuran disediakan kepada pelanggan yang terjejas

KUALA LUMPUR, Ahad, [19 Disember 2021]: Berikutan situasi banjir buruk yang melanda beberapa buah kawasan di seluruh negara, Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB" atau "Bank") kini menyediakan **Bantuan Prihatin Banjir** untuk membantu para pelanggan pembiayaan yang terjejas. Di bawah inisiatif tersebut, pelanggan yang mempunyai kemudahan pembiayaan BIMB boleh memohon **bantuan kewangan untuk tempoh sehingga enam (6) bulan** terhadap komitmen bulanan mereka, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Selain itu, BIMB juga tidak akan mengenakan sebarang bayaran bagi penggantian kad ATM dan debit serta buku cek yang rosak atau hilang ekoran bencana yang berlaku.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "BIMB sentiasa mengikuti perkembangan di seluruh kawasan yang terjejas. Kami prihatin akan kesukaran yang dialami pelanggan dalam menghadapi situasi semasa, terutamanya dengan keadaan banjir yang buruk, kejadian tanah runtuh dan lain-lain yang berkaitan, khasnya ketika pandemik COVID-19 masih melanda negara. Justeru, BIMB mengambil langkah proaktif bagi membantu pelanggan kami yang terjejas."

"Kesejahteraan masyarakat sentiasa menjadi salah satu keutamaan Kumpulan BIMB. Justeru, kami berharap Bantuan Prihatin Banjir ini dapat melegakan kebimbangan pelanggan terhadap komitmen kewangan mereka dalam mendepani situasi yang mencabar ini. Selain itu, BIMB turut berusaha untuk menyediakan sokongan yang diperlukan kepada masyarakat umum yang terkesan dengan situasi semasa," Muazzam menambah.

Permohonan Bantuan Prihatin Banjir boleh dibuat di cawangan BIMB berhampiran. BIMB menasihati pelanggan yang memerlukan bantuan agar berbincang dengan pihak Bank untuk membuat pilihan bantuan pembiayaan yang mereka perlukan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Bantuan Prihatin Banjir BIMB dan senarai cawangan yang beroperasi, sila rujuk laman sesawang BIMB di www.bankislam.com atau platform media sosial, Bank Islam Malaysia Berhad (Facebook); @bankislam (Instagram), dan @myBankIslam (Twitter).

Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Panggilan BIMB di talian 03-26 900 900 atau emel ke contactcenter@bankislam.com.my untuk mendapatkan bantuan lanjut.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan BIMB di 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rohazida Mohamed Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: rohazidam@bankislam.com.my	Omar Atin Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: omar@bankislam.com.my
--	--